DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

KENYATAAN MEDIA

DBKL SAHKAN SITAAN PENJAJA TANPA LESEN DI JALAN TUN TAN CHENG LOCK

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menjelaskan bahawa tindakan sitaan terhadap seorang penjaja di Jalan Tun Tan Cheng Lock pada 25 Oktober 2026 adalah berdasarkan kesalahan menjalankan aktiviti penjajaan tanpa lesen yang sah.

Tindakan tersebut dilaksanakan oleh anggota penguat kuasa DBKL kira-kira jam 2.00 petang susulan aduan yang diterima serta teguran lisan dan notis kompaun yang telah dikeluarkan pada 18 Oktober 2026 di bawah UUK 3(1), Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016.

Hasil semakan mendapati penjaja yang dikenakan tindakan tidak mempunyai lesen penjajaan yang sah di lokasi berkenaan. Dua lesen yang dikemukakan oleh pihak lain adalah milik pemegang lesen bagi lokasi bersebelahan dan lesen premis di Kasturi Walk yang telah dibatalkan pada 10 Jun 2025. Daripada dua orang penjaja yang berada di lokasi ketika kejadian, hanya penjaja tanpa lesen dikenakan tindakan sitaan.

Semasa operasi, keadaan menjadi tegang apabila beberapa individu bertindak melakukan provokasi, merosakkan barangan jualan serta membaling botol air dan buah kelapa ke arah anggota penguat kuasa dan

kenderaan DBKL. Bagaimanapun, tiada kecederaan dilaporkan melibatkan anggota penguat kuasa.

DBKL turut mengesahkan bahawa tindakan penguatkuasaan dilaksanakan mengikut prosedur operasi standard (SOP) jabatan, dengan anggota bertugas memakai kamera badan. Satu laporan polis telah dibuat berhubung kejadian tersebut.

DBKL akan terus mempergiat pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan pematuhan terhadap peraturan yang ditetapkan serta memelihara ketenteraman, kebersihan dan kesejahteraan awam di Kuala Lumpur.

Unit Media
Jabatan Perancangan Korporat
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
27 Oktober 2026
e-mel: akhbar@dbkl.gov.my